




**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 27 OGOS 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MENINGKAT RM1.8b MENJELANG 2030, BISNES, HM -22 DURIAN SEGAR MALAYSIA DIJUAL DI CHINA MULAI HARI INI, BERITA RTM -ONLINE MALAYSIA'S DURIAN EXPORTS TO REACH RM1.8b BY 2030, LATEST MALAYSIA.COM -ONLINE PENGHANTARAN PERTAMA DURIAN SEGAR MALAYSIA TIBA DI CHINA, NABALU NEWS -ONLINE DURIAN SEGAR PERTAMA MALAYSIA KE CHINA MULA DIJUAL DI OUTLET PERUNCITAN HARI INI, RILEKLAH.COM -ONLINE UPM TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI KPKM, UPM.EDU.MY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7.	BOT ROSAK DIBADAI OMBAK, LOKAL, HM -18	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8. 9.	DOSM TO INCLUDE KEDAH RICE FARMERS IN CENSUS, NATION, THE STAR -10 ONE TONNE OF INVASIVE FISH SPECIES CAUGHT IN SG DAMANSARA IN TWO HOURS, NEWS, THE STAR -4	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



DURIAN penyumbang utama atau 58.6 peratus kepada nilai eksport buah-buahan negara pada 2022 daripada nilai keseluruhan RM2.01 bilion.

UNJURAN NILAI EKSPORT DURIAN

MIENINGKAT RM1.8B
MIENJELANG 2030

PutraJaya

Nilai eksport durian diunjur terus meningkat kepada RM1.8 bilion menjelang 2030, kata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Dalam kenyataan semalam, menteri pertanian itu berkata, prestasi eksport durian negara dalam tempoh lima tahun iaitu 2018 hingga 2022 juga menggalakkan dengan nilai eksportnya melonjak 256.3 peratus atau peningkatan sebanyak RM822.8 juta.

Pada 2022, eksport durian Malaysia ke seluruh

dunia mencatat nilai RM1.1 bilion yang juga tertinggi dalam sejarah.

Durian juga secara keseluruhan adalah penyumbang utama atau 58.6 peratus kepada nilai eksport buah-buahan negara pada 2022 daripada nilai keseluruhan RM2.01 bilion.

"China adalah pasaran eksport utama durian Malaysia dengan nilai eksport RM887 juta pada 2022 iaitu tertinggi dalam sejarah pengeksporan durian ke negara itu," katanya.

Penghantaran durian segar pertama Malaysia ke China, Sabtu lalu, kata KPKM, juga selamat tiba

Lapangan Terbang Kargo Zhongzhou, kelmarin.

Pengeksportan pertama durian segar itu adalah hasil daripada Protokol Kebutuhan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar Dari Malaysia ke Republik Rakyat China yang dimeterai pada 19 Jun lepas.

"Tambahan akses durian segar ini memberi peluang kepada usahawan tempatan bagi meneroka pasaran di China, seterusnya meningkatkan pendapatan mereka menandakan sebulan ini hanya durian sejuk beku sahaja dibenarkan dieksport, katanya.

Penerimaan buah durian segar pertama ke China itu disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, bersama-sama Timbalan Gabenor Wilayah Persekutian, Menteri Pertanian, Pengangkutan dan Pengurusan Besar Zhongguo Aviation Group, Liu Jianmin di Lapangan Terbang Kargo Zhongzhou.

Durian segar itu diedarkan oleh 10 syarikat pengimport menerusi outlet peruncian di enam wilayah iaitu Beijing, Zhengzhou, Shanghai, Guangzhou, Shenzhen dan Nanjing.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2024	BERITA RTM	ONLINE	

Durian segar Malaysia dijual di China mulai hari ini



BEIJING, 26 Ogos - Durian segar pertama Malaysia ke China mula dijual di outlet peruncitan terpilih di enam wilayah negara Tembok Besar itu mulai hari ini.

Wilayah tersebut ialah Beijing, Zhengzhou, Shanghai, Guanzhou, Shengzen dan Nanning.

Duta Besar Malaysia ke China Datuk Norman Muhamad berkata proses eksport durian segar itu dilaksanakan selepas mendapat kelulusan daripada Pentadbiran Am Kastam China (GACC) pada 19 Jun lepas.

“Saya juga berbesar hati untuk mengumumkan bahawa durian segar boleh didapati di pasaran China mulai hari ini.

“Durian segar yang dieksport ini telah mematuhi langkah fitosanitari ketat yang ditetapkan GACC bagi memastikan raja buah tersebut kekal segar, selain rasanya tidak menjejaskan standard keperluan keselamatan makanan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis pelancaran program “Taste Of Malaysia 2024” di sebuah pasar raya di sini yang turut dihadiri Timbalan Ketua Perwakilan Malaysia di Beijing Norfarina Mohd Azmee.

Norman berkata sebelum ini Malaysia hanya mengeksport durian dalam bentuk biji (whole fruit) dan ulas (pulp) sejuk beku, pes serta produk agromakanan.

Semalam, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan memaklumkan prestasi eksport durian negara dalam tempoh lima tahun iaitu dari 2018 hingga 2022 menggalakkan dengan nilai eksport melonjak 256.3 peratus atau peningkatan sebanyak RM822.8 juta.

Pada 2022, eksport durian Malaysia ke seluruh dunia mencatat nilai RM1.14 bilion iaitu yang tertinggi dalam sejarah.

Mengulas mengenai program Taste Of Malaysia 2024, Norman berkata acara yang berlangsung dari 23 Ogos hingga 1 Sept itu bertujuan menonjolkan dan mempromosikan produk Malaysia yang berkualiti tinggi serta lazat di pasaran China.

“Sepanjang program ini pelbagai produk Malaysia diketengahkan antaranya durian, Old Town White Coffee, snek tradisional Sabah seperti amplang serta makanan ringan dan pes masakan,” katanya kepada media selepas program tersebut.

Selain itu, beliau berkata pihaknya berharap agar dapat membawa lebih banyak lagi produk Malaysia ke negara itu antaranya makanan pek dan berasaskan asas tani seperti tongkat ali serta minyak kelapa sawit.

“Daripada pihak kedutaan, kami masih membuat perancangan bersama agensi yang ada terutamanya, pertanian (Pejabat Penasihat Pertanian Kedutaan) dan MATRADE (Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia) di sini. Insya-Allah kita akan tengok lagi apa yang kita akan bawa (ke China).

“China ini mempunyai satu pasaran besar dan ia agak canggih sekarang, kita akan terus lihat produk yang sesuai,” katanya. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2024	LATEST MALAYSIA.COM	ONLINE	

Malaysia's Durian Exports to Reach RM1.8b by 2030



Photo by Jonny Clow on Unsplash.

The export value of durians is expected to rise to RM1.8 billion by 2030, according to the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM).

In a statement today, KPKM reported that Malaysia's durian export performance over the five-year period from 2018 to 2022 has

been encouraging, with the value of exports growing by 256.3 per cent, an increase of RM822.8 million.

Malaysia's Durian Exports to Reach RM1.8b by 2030

In 2022, Malaysia's durian exports reached a record value of RM1.14 billion, the highest ever recorded.

Durian was the leading contributor to the country's fruit export value in 2022, accounting for 58.6 per cent of the total fruit export value of RM2.01 billion.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2024	NABALU NEWS	ONLINE	

Penghantaran pertama durian segar Malaysia tiba di China



KUALA LUMPUR: Penghantaran pertama bekalan durian segar Malaysia ke China selamat tiba di Lapangan Terbang Kargo Zhengzhou, semalam.

Ia adalah sebahagian daripada fasa pertama penghantaran raja buah itu yang membabitkan 40 tan metrik durian pelbagai jenis, termasuk Musang King, D24, IOI dan Black Thorn.

Penghantaran itu dibuat secara berperingkat, membabitkan 15 tan metrik yang sudah tiba di destinasi semalam, manakala 15 tan metrik lagi ke Zhengzhou dan 10 tan metrik ke Shenzhen yang dijangka tiba hari ini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan, pengeksportan pertama durian segar ke China itu adalah hasil pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China antara Menteri, Datuk Seri Mohamad Sabu, dengan Menteri Pentadbiran Am Kastam China (GACC), Yu Jianhua, 19 Jun lalu.

"Akses pasaran ini adalah perkembangan positif yang akan menyumbang kepada peningkatan nilai eksport sektor durian ke China di mana sebelum ini hanya durian dalam bentuk sejuk beku dibenarkan.

"Malah, kejayaan ini juga akan memberi peluang kepada usahawan durian tempatan untuk dimanfaatkan sepenuhnya bagi menerokai pasaran di China, seterusnya meningkatkan pendapatan mereka," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut KPKM, durian segar berkenaan akan terus diedarkan oleh 10 syarikat pengimport melalui outlet-outlet peruncitan mereka di enam wilayah membabitkan Beijing, Zhengzhou, Shanghai, Guangzhou, Shenzhen dan Nanning.

"Prestasi eksport durian negara dalam tempoh lima tahun dari 2018 hingga 2022 adalah menggalakkan, dengan nilai eksport durian ke luar negara berkembang sebanyak 256.3 peratus atau meningkat sebanyak RM822.8 juta.

"Pada 2022, eksport durian Malaysia ke seluruh dunia mencatat nilai sebanyak RM1.14 bilion, iaitu nilai tertinggi dalam sejarah hingga kini.

"Secara keseluruhan, durian adalah penyumbang utama (58.6 peratus) kepada nilai eksport buah-buahan negara pada 2022 daripada keseluruhan nilai eksport buah-buahan bernilai RM2.01 bilion," katanya.

Terdahulu, Mohamad turut mengadakan pertemuan dengan Gabenor Wilayah Henan, Wong Kai, dan kedua-dua pihak bersetuju bahawa kejayaan pengeksporan durian ke China pada tahun ini akan membuka peluang kerjasama lebih luas membabitkan sektor pertanian pada masa depan.

"Ia juga adalah satu kejayaan bersejarah dalam menyambut ulang tahun 50 tahun hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China," menurut kenyataan itu lagi.

Pada pertemuan itu, Mohamad turut menjemput Wong Kai untuk menghadiri Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang akan berlangsung dari 11 hingga 22 September depan.

"KPKM berharap pengeksporan durian segar yang bermula kini akan meningkatkan kerjasama perdagangan antara Malaysia dengan China.

"Pada masa sama, sejajar hubungan diplomatik yang mencecah 50 tahun, ia akan memupuk hubungan lebih mesra serta erat dalam bentuk budaya, pelancongan dan makanan melalui diplomasi durian antara kedua-dua negara selaras agenda Malaysia," katanya.

China adalah pasaran eksport utama durian dari Malaysia dengan nilai eksport sebanyak RM887 juta pada 2022 yang juga nilai tertinggi dalam sejarah pengeksporan durian ke negara itu.

Nilai eksport durian diunjur terus meningkat kepada RM1.8 bilion pada 2030.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2024	RILEKLAH.COM	ONLINE	

Durian Segar Pertama Malaysia ke China Mula Dijual di Outlet Peruncitan Hari Ini



Durian segar pertama Malaysia ke China mula dijual di outlet peruncitan terpilih di enam wilayah negara Tembok Besar itu mulai hari ini.

Wilayah tersebut ialah Beijing, Zhengzhou, Shanghai, Guanzhou, Shengzen dan Nanning.

Duta Besar Malaysia ke China Datuk Norman Muhamad berkata proses

eksport durian segar itu dilaksanakan selepas mendapat kelulusan daripada Pentadbiran Am Kastam China (GACC) pada 19 Jun lepas.

“Saya juga berbesar hati untuk mengumumkan bahawa durian segar boleh didapati di pasaran China mulai hari ini.

“Durian segar yang dieksport ini telah mematuhi langkah fitosanitari ketat yang ditetapkan GACC bagi memastikan raja buah tersebut kekal segar, selain rasanya tidak menjejaskan standard keperluan keselamatan makanan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis pelancaran program “Taste Of Malaysia 2024” di sebuah pasar raya di sini yang turut dihadiri Timbalan Ketua Perwakilan Malaysia di Beijing Norfarina Mohd Azmee.

Norman berkata sebelum ini Malaysia hanya mengeksport durian dalam bentuk biji (*whole fruit*) dan ulas (*pulp*) sejuk beku, pes serta produk agromakanan.

Semalam, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan memaklumkan prestasi eksport durian negara dalam tempoh lima tahun iaitu dari 2018 hingga 2022 menggalakkan dengan nilai eksport melonjak 256.3 peratus atau peningkatan sebanyak RM822.8 juta.

Pada 2022, eksport durian Malaysia ke seluruh dunia mencatat nilai RM1.14 bilion iaitu yang tertinggi dalam sejarah.

Mengulas mengenai program Taste Of Malaysia 2024, Norman berkata acara yang berlangsung dari 23 Ogos hingga 1 Sept itu bertujuan menonjolkan dan mempromosikan produk Malaysia yang berkualiti tinggi serta lazat di pasaran China.

“Sepanjang program ini pelbagai produk Malaysia diketengahkan antaranya durian, Old Town White Coffee, snek tradisional Sabah seperti amplang serta makanan ringan dan pes masakan,” katanya kepada media selepas program tersebut.

Selain itu, beliau berkata pihaknya berharap agar dapat membawa lebih banyak lagi produk Malaysia ke negara itu antaranya makanan pek dan berasaskan asas tani seperti tongkat ali serta minyak kelapa sawit.

“Daripada pihak kedutaan, kami masih membuat perancangan bersama agensi yang ada terutamanya, pertanian (Pejabat Penasihat Pertanian Kedutaan) dan MATRADE (Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia) di sini. Insya-Allah kita akan tengok lagi apa yang kita akan bawa (ke China).

“China ini mempunyai satu pasaran besar dan ia agak canggih sekarang, kita akan terus lihat produk yang sesuai,” katanya.

Sumber: [BERNAMA](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2024	UPM.EDU.MY	ONLINE	

UPM terima kunjungan hormat dari KPKM



SERDANG, 23 Ogos - Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah telah menerima kunjungan hormat dari Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Lokman Hakim Ali serta delegasi untuk membincangkan kerjasama strategik dalam perkukuhkan agenda pertanian negara.

Menerusi kunjungan ini, kedua-dua pihak berhasrat untuk menerajui inisiatif keterjaminan makanan negara antara KPKM dan UPM melalui pendekatan holistik yang merangkumi pendidikan, penyelidikan, kolaborasi industri dan komuniti.



Sinergi positif ini juga selari dengan Blueprint Keterjaminan Makanan UPM dan Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu Memperkasakan Pertanian dan Ketahanan Sekuriti Makanan.



Selain itu, Datuk Lokman Hakim serta delegasinya melawat ke SURIA Floating Solar & Walkaway iaitu projek solar terapung Hidroponik-Aquavoltaic Bersepadu Berskala Besar merangkap Eko-Pelancongan di Fakulti Kejuruteraan, UPM



(MARDI), Dr. Asfaliza Ramli.

Turut hadir, Ketua Pengarah, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Dato' Adnan Hussain, Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Dr. Akma Ngah Hamid, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Industri dan Pengembangan), Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Johari Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia

Oleh Hamzah Osman
am@hmetro.com.my

Langkawi

Kira-kira 300 nelayan di pangkalan Kuala Chenang di sini, menerima kerajaan segera membina benteng pemecah ombak tambahan bagi menyelesaikan isu bot mereka kerap rosak ketika musim tengkujuh akibat dibadai ombak kuat.

Difahamkan, kumpulan nelayan terbabit sudah maulumkan masalah itu kepada pemimpin setempat dan pihak berkuasa secara bertulis, tetapi masih tiada tindakan diambil sejak enam tahun lalu.

Peruntukan RM3.2 juta bagi membina benteng tambahan, sejauh 100 meter itu juga didakwa sudah diluluskan bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada 2018, namun pembinaannya gagal dilaksanakan sehingga kini.

Pengerusi myKomuniti Perikanan (myKP) Kuala Chenang Ahmad Mahzan Ariffin berkata, benteng sedia ada kurang berkesan untuk menghalang ombak kuat daripada masuk ke jeti ponton terapung yang digunakan nelayan.

"Kerajaan perlu mempercepatkan pembinaan benteng pemecah ombak tambahan sejauh 100 meter iaitu sambungan ke-10 pada benteng sedia ada

Bot rosak dibadai ombak

Nelayan Kuala Chenang rayu bina benteng pemecah ombak tambahan atasi kerugian



SERAHAGIAN bot milik nelayan di pangkalan nelayan Kuala Chenang, Langkawi yang dibawa untuk berlindung di alur sungai, tetapi berdepan pula air pasang surut dan lumpur.



ROSAN menunjukkan jeti ponton terapung di Kompleks LKIM Kuala Chenang.

yang tertangguh bagi mengelak bot ditambah rosak pada musim tengkujuh.

"Tanpa benteng tambahan itu, nelayan terpaksa membawa bot masuk ke alur sungai kecil berhemiran untuk berlindung, tapi berdepan pula masalah air pasang surut dan lumpur, katanya ditemui, semalam.

Meluahkan perasaan sama, Timbalan Pengerusi myKP Kuala Chenang Ros-

"Kerajaan perlu mempercepatkan pemecah benteng tambahan sejauh 100 meter iaitu sambungan kepada benteng sedia ada"

Pengerusi myKP
Kuala Chenang,
Ahmad Mahzan Ariffin

rapung ini juga banyak yang rosak termasuk tiga tiang konkrit patah dan tercabut serta skru pengikat terungkal, sekali gus mengundang risiko kepada nelayan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuah Amar Pated Mahamud berkata, beliau turut menerima aduan daripada nelayan kawasan berkenaan dan bersimpati dengan masalah terbabit.

"Bagaimanapun, isu yang

dibangkitkan nelayan itu (kelewatan pembinaan benteng pemecah ombak tambahan) di bawah tanggung jawab agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Saya sudah bangkitkan (perkara itu) di Dewan Undangan Negeri (Dun) yang bersidang ketika ini bagi mendapat maklum balas pihak berkaitan," katanya.

DOSM TO INCLUDE KEDAH RICE FARMERS IN CENSUS

KOTA SETAR: The findings from the 2024 Agriculture Census will serve as a primary input in managing and advancing rice cultivation activities in Kedah.

Department of Statistics Malaysia (DOSM) chief statistician and census commissioner Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin said on Aug 2 that accurate and detailed information from various aspects such as land management, financial planning, yield optimisation, mechanisation usage and farmer training can be addressed more effectively.

By leveraging the data and information from the census, farmers can increase productivity, reduce risks and maximise their rice yields.

Therefore, public cooperation in providing information to DOSM is crucial to portray the current state of rice cultivation activities, particularly in Kedah.

Mohd Uzir was at a 2024 Agriculture Census fieldwork programme conducted at Kampung Masjid, Kubang Rotan with Muda Agricultural Development Authority (Mada) general manager Kamarudin Dahuli to meet rice farmers and Saez Maju Enterprise owner Sayadid Saffie, who is also a Mada agriculture service provider.

Also present was Kedah deputy commissioner (technical) Nadia Marzuki.

According to the state's gross domestic product (GDP) report, Kedah's economy grew by 1.6% last year, with an added value of RM51.8bil compared to RM51.0bil



Mohd Uzir (far left) being briefed on the use of drones by rice farmers in Kedah. Public cooperation is crucial to portray the current state of rice cultivation activities.

in the previous year.

The state's economic composition last year was driven by the services sector which contributed to 56.2% to the state's economy.

This was followed by the manufacturing and agriculture sectors, contributing 29.2% and 10.7%, respectively.

Construction recorded a 3% contribution, followed by a 0.2% contribution from mining and quarrying.

Kedah's agriculture sector contracted by 2.8%, with an added

value of RM5.5bil, influenced by declines in the fisheries and crops (rubber and rice) subsectors.

Livestock, however, managed to offset some of the sector's decline.

Nevertheless, the state has the country's largest planted area for rice cultivation in 2022, with 213,700ha, followed by Sarawak (77,700ha), Perak (74,600ha) and Kelantan (74,000ha).

Kedah's rice production was recorded at 834,900mt, the highest among all states in Malaysia.

It contributes 41.2% in rice production for Peninsular Malaysia and 36.6% for the country in total.

The Agriculture Census provides baseline data on agricultural holdings' profiles, including demographic information, agricultural output, input costs, farm size, land use and ownership, mechanisation and technology usage.

These statistics can be used to formulate short-term and long-term policies and programmes, enhance food security, increase

productivity and promote sustainable agriculture.

It is hoped that this year's census will assist the Government assess the stability of the country's rice supply in meeting domestic needs and reducing reliance on imports.

It is currently being conducted by DOSM and has now entered its 27th day since its inception on July 7 nationwide and covers crops, livestock, fisheries and aquaculture, and forestry and logging.

A total of 672,200 residential places (TK) were recorded in Kedah this year, with 81,780 being involved in the surveyed agricultural activities. A further 1,124 business entities will be surveyed.

As of Aug 1, 28,008 TKs were visited, with 19,668 being fully surveyed.

With the theme "2024 Agriculture Census, the key to agricultural advancement", the census results should lay a strong foundation for policy formulation in agriculture and be used to benchmark and align existing agricultural statistics.

In this regard, Mohd Uzir emphasised that DOSM greatly anticipates the cooperation of all respondents in making the 2024 Agriculture Census a success.

For more on the 2024 Agriculture Census, visit www.myagriculture.gov.my

DOSM launched OpenDOSM NextGen as a platform providing a data catalogue and visualisation to facilitate users in analysing various data, accessible through the portal open.dosm.gov.my.

27/8/2024

THE STAR

NEWS

4

One tonne of invasive fish species caught in Sg Damansara in two hours

By VIJENTHI NAIR

vijenthi@thestar.com.my

OVER one tonne of pleco or suckermouth catfish, locally known as *ikan bandaraya*, was caught in Sungai Damansara in Subang, Selangor, within two hours.

This catch is believed to be the largest recorded effort to control the invasive fish species in the country.

The feat was achieved by 32 members of Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB), participating in a pleco-catching competition organised by Selangor Menteri Besar Incorporated and Landasan Lunayan Sdn Bhd.

The event also received support from Universiti Malaya, Universiti Selangor and Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Selangor infrastructure and

agriculture committee chairman Izham Hashim said 1,142kg of pleco were caught during the competition.

"This is a significant increase compared to the 700kg caught in Sungai Langat during a similar competition in April.

"If pleco is thriving in Sungai Damansara, one can only imagine the situation in Sungai Klang, as Sungai Damansara connects to the major river," he said.

Izham said all fish caught would be sent to be processed into fish food and fertiliser.

StarMetro had earlier reported on the Fisheries Department releasing over 1.11 million native fish, including freshwater prawns and *ikan lampam* (tinfoil barb), into rivers over the past five years to address the issue.

Izham said next month, the state would implement a pro-

gramme to reward volunteers with RM1 for every kg of pleco caught.

The initiative will take place every weekend at Denai Sungai Kebangsaan@Sungai Langat in Bangi, Selangor.

"The state has allocated an initial sum of RM50,000 for the incentive. It will be open to those over 18 years.

"Participants can walk-in with their own equipment, and cash incentives will be paid on the spot," he said.

Izham also said that universities were researching ways to monetise pleco caught during the programmes.

"One such study involves creating pellets from pleco to feed other fish.

"If successful, these pellets could be sold at a lower price, benefiting fish breeders," he said.



Izham (second from right) pictured with part of the one-tonne pleco catch from Sungai Damansara.

Izham said increasing awareness about the impact of invasive fish species on river ecosystems was also crucial.

"Many people release fish into rivers with good intentions but

are unaware of the consequences," he said.

"Species like pleco breed quickly, leading to a decline in native populations and loss of biodiversity," he added.